



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**ANGGARAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR AWALAN
SUKU TAHUN KEDUA 2026**

**Ekonomi Malaysia berkembang 5.8 peratus pada
suku tahun kedua 2026**

PUTRAJAYA, 17 JULAI 2026 – Anggaran awalan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)¹ menunjukkan ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.8 peratus, selepas mencatatkan pertumbuhan 5.4 peratus pada suku tahun sebelumnya, seperti yang dilaporkan dalam **Anggaran KDNK Awalan, Suku Tahun kedua 2026** yang diterbitkan hari ini.

Dalam kenyataan pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan bahawa ekonomi Malaysia dianggarkan berkembang sebanyak 5.8 peratus pada suku tahun kedua 2026 disokong peningkatan dalam hampir semua sektor ekonomi kecuali sektor Pertanian yang mengalami penyusutan. Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia bertumbuh 5.6 peratus pada separuh tahun pertama 2026 berbanding 4.5 peratus dalam tempoh yang sama pada tahun 2025.

Sektor **Perkhidmatan** kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi pada suku tahun kedua 2026 dengan peningkatan sebanyak 5.4 peratus (ST1 2026: 5.6%). Pertumbuhan yang stabil ini disokong terutamanya oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, Maklumat & komunikasi serta Pengangkutan & penyimpanan. Dalam pada itu, sektor **Pembuatan** terus mengukuh kepada 7.5 peratus (ST1 2026: 5.9%), didorong oleh industri yang berorientasikan eksport terutamanya pengeluaran Produk elektrik, elektronik & optikal dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik.

Prestasi sektor **Perlombongan & pengkuarian** pula kembali pulih dengan merekodkan peningkatan 10.2 peratus (ST1 2026: -2.1%) didorong oleh subsektor Gas asli. Sektor **Pembinaan** tumbuh sederhana dengan kadar 6.6 peratus berbanding peningkatan 7.7 peratus pada suku tahun pertama 2026 disokong oleh subsektor Bangunan bukan kediaman bagi projek pembinaan pusat data dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas. Sementara itu, sektor **Pertanian** menguncup 3.7 peratus berbanding pertumbuhan 2.6 peratus pada suku tahun sebelumnya, susulan penurunan dalam semua subsektor kecuali Pertanian lain dan Ternakan.

¹ Pengiraan anggaran KDNK awalan suku tahun kedua 2026 adalah berdasarkan kepada gabungan sumber data yang tersedia. Secara umumnya, terdapat perbezaan antara anggaran KDNK awalan dan KDNK preliminari disebabkan oleh ketersediaan data dari pelbagai sumber semasa tempoh penyusunan.

KDNK preliminari yang menyediakan analisis terperinci dan komprehensif mengenai prestasi ekonomi bagi suku tahun kedua 2026 akan diterbitkan pada **14 Ogos 2026**.

Jadual 1: Pertumbuhan KDNK mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, (% YoY)

Jenis aktiviti ekonomi	Peratus sumbangan kepada KDNK tahun 2025* (%)	Perubahan peratusan dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya							
		2024	2025	2025				2026	
				ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2**
KDNK	100.0	5.2	5.2	4.4	4.6	5.3	6.2	5.4	5.8
Pertanian	6.1	3.4	2.2	0.7	2.5	0.2	5.7	2.6	-3.7
Perlombongan & pengkuarian	5.7	1.2	0.6	-2.6	-5.2	9.4	1.4	-2.1	10.2
Pembuatan	23.0	4.2	4.5	4.2	3.7	4.1	6.0	5.9	7.5
Pembinaan	4.3	17.6	12.2	14.2	12.1	11.7	10.9	7.7	6.6
Perkhidmatan	59.5	5.4	5.4	5.1	5.1	5.3	6.2	5.6	5.4

Nota: * Tidak termasuk Duti import
** Anggaran awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Jadual 2: Perbandingan Anggaran KDNK Awalan dan KDNK Preliminari, (% YoY)

Aktiviti Ekonomi	2025								2026		
	ST1		ST2		ST3		ST4		ST1		ST2
	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE
KDNK	4.4	4.4	4.5	4.6	5.2	5.3	5.7	6.2	5.3	5.4	5.8
Pertanian	0.7	0.7	2.0	2.5	0.4	0.2	5.1	5.7	2.8	2.6	-3.7
Perlombongan & pengkuarian	-4.9	-2.6	-7.4	-5.2	10.9	9.4	1.1	1.4	-1.1	-2.1	10.2
Pembuatan	4.2	4.2	3.8	3.7	4.0	4.1	6.0	6.0	5.8	5.9	7.5
Pembinaan	14.5	14.2	11.0	12.1	11.2	11.7	11.9	10.9	7.8	7.7	6.6
Perkhidmatan	5.2	5.1	5.3	5.1	5.1	5.3	5.4	6.2	5.4	5.6	5.4

Nota: AE = Anggaran awalan
KDNK preliminari bagi ST2 2026 akan diterbitkan pada 14 Ogos 2026

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), ST1 2024 – ST2 2026



Nota: AE = Anggaran awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
17 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

ADVANCE GROSS DOMESTIC PRODUCT ESTIMATES SECOND QUARTER OF 2026

Malaysia's economy expanded by 5.8 per cent in the second quarter of 2026

PUTRAJAYA, 17TH JULY 2026 – The advance estimates of Gross Domestic Product (GDP)¹ indicate that Malaysia's economy expanded by 5.8 per cent, following a growth of 5.4 per cent in the preceding quarter, as reported in the **Advance GDP Estimates, Second Quarter of 2026** released today.

In today's statement, the Department of Statistics Malaysia stated that Malaysia's economy is estimated to expand by 5.8 per cent in the second quarter of 2026, supported by growth in almost all economic sectors except for the Agriculture sector, which experienced a contraction. Overall, Malaysia's economy grew at 5.6 per cent for the first half of the year 2026 as compared to 4.5 per cent in the same period in 2025.

The **Services** sector remained the main driver of economic growth in the second quarter of 2026, with an increase of 5.4 per cent (Q1 2026: 5.6%). The stable growth was primarily supported by the Wholesale & retail trade, Information & communication and Transportation & storage sub-sectors. In the meantime, the **Manufacturing** sector strengthened further to 7.5 per cent (Q1 2026: 5.9%), driven by export-oriented industries particularly the production of Electrical, electronic & optical products and Petroleum, chemicals, rubber & plastics products.

The performance of the **Mining & quarrying** sector has also rebounded to record an increase of 10.2 per cent (Q1 2026: -2.1%) driven by the Natural gas sub-sector. The **Construction** sector grew moderately at 6.6 per cent as compared to an increase of 7.7 per cent in the first quarter of 2026, supported by the Non-residential buildings sub-sector particularly data centre construction projects and Specialised construction activities. Meanwhile, the **Agriculture** sector contracted by 3.7 per cent as compared to a growth of 2.6 per cent in the previous quarter, following a decline in all sub-sectors except for Other agriculture and Livestock.

¹ The computation of advance GDP estimates for the second quarter of 2026 is based on the availability of various data sources. In general, there are differences between the advance GDP estimates and the preliminary GDP due to the availability of data from various sources during the compilation period.

The preliminary GDP which provides a detailed and comprehensive analysis of economic performance for the second quarter of 2026 will be released on **14 August 2026**.

Table 1: GDP Growth by Kind of Economic Activity, (% YoY)

Kind of economic activity	Percentage share to GDP year 2025* (%)	Percentage change from corresponding quarter of preceding year YOY (%)							
		2024	2025	2025				2026	
				Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2**
GDP	100.0	5.2	5.2	4.4	4.6	5.3	6.2	5.4	5.8
Agriculture	6.1	3.4	2.2	0.7	2.5	0.2	5.7	2.6	-3.7
Mining & quarrying	5.7	1.2	0.6	-2.6	-5.2	9.4	1.4	-2.1	10.2
Manufacturing	23.0	4.2	4.5	4.2	3.7	4.1	6.0	5.9	7.5
Construction	4.3	17.6	12.2	14.2	12.1	11.7	10.9	7.7	6.6
Services	59.5	5.4	5.4	5.1	5.1	5.3	6.2	5.6	5.4

Notes: * Exclude Import duties

** Advance estimates

Source: Department of Statistics Malaysia

Table 2: Comparison of Advance GDP Estimates and Preliminary, (% YoY)


Kind of economic activity	2025								2026		
	Q1		Q2		Q3		Q4		Q1		Q2
	AE	Preliminary	AE	Preliminary	AE	Preliminary	AE	Preliminary	AE	Preliminary	AE
GDP	4.4	4.4	4.5	4.6	5.2	5.3	5.7	6.2	5.3	5.4	5.8
Agriculture	0.7	0.7	2.0	2.5	0.4	0.2	5.1	5.7	2.8	2.6	-3.7
Mining & quarrying	-4.9	-2.6	-7.4	-5.2	10.9	9.4	1.1	1.4	-1.1	-2.1	10.2
Manufacturing	4.2	4.2	3.8	3.7	4.0	4.1	6.0	6.0	5.8	5.9	7.5
Construction	14.5	14.2	11.0	12.1	11.2	11.7	11.9	10.9	7.8	7.7	6.6
Services	5.2	5.1	5.3	5.1	5.1	5.3	5.4	6.2	5.4	5.6	5.4

Notes: AE = Advance estimates

Preliminary GDP for Q2 2026 will be released on 14 August 2026

Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 1: Gross Domestic Product (GDP), Q1 2024 – Q2 2026



Note: AE = Advance estimates

Source: Department of Statistics Malaysia

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
17 JULY 2026